



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 9/ 2024 (Bulan September 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Menggarap Cinta Rasulullah	6 September 2024M/ 2 Rabi'ul Awwal 1446H
2.	Mengimani Allah, Meneladani Rasulullah	13 September 2024M/ 9 Rabi'ul Awwal 1446H
3.	Jiwa Merdeka	20 September 2024M/ 16 Rabi'ul Awwal 1446H
4.	Angkara Batu Sempadan	27 September 2024M/ 23 Rabi'ul Awwal 1446H
Khutbah Kedua		

دبىاياءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىيتكن:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولاو فينغ

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

- 1. Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Mengimani Allah, Meneladani Rasulullah

Khutbah Sempena Maulidur Rasul

13 September 2024M/ 9 Rabi'ulawwal 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَمَعَنَا عَلَى حُبِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى حُبِّ مَا يُحِبُّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدٌ، وَمَنْ يُحِبُّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا، وَمَنْ أَحَبَّ صِرَاطَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَصْحَابِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَزْوَاجِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَنْصَارِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan memanfaatkan masa yang ada untuk melakukan segala suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Sebelum meneruskan bicara, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian, agar memberi fokus dan mendengar dengan sepenuh hati kandungan khutbah hari ini. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia.



Sempena memperingati bulan kelahiran Baginda Nabi Muhammad ﷺ pada tahun ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Mengimani Allah, Meneladani Rasulullah.**”

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Kehadiran Rabi’ul Awwal mengingatkan kita tentang kelahiran Rasulullah ﷺ. Meskipun setiap detik kita merindui Rasulullah, Rabi’ul Awwal tetap diingati saban tahun agar rasa mahabbah terhadap junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ sentiasa subur. Sirah dan perjalanan kehidupan Baginda perlu dihayati dan disampaikan khususnya kepada golongan muda dan masyarakat seluruhnya.

Mengapakah kita perlu mengingati Rasulullah ﷺ ?

Sesungguhnya jasa dan pengorbanan Rasulullah ﷺ sangatlah besar. Baginda menyampaikan Islam yang menjadi pedoman kehidupan kita, sanggup berkorban untuk mempertahankan agama yang mulia ini, memberikan nasihat dan peringatan menerusi hadis serta meninggalkan teladan terbaik yang tidak mungkin akan terpadam untuk selama-lamanya. Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾



Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah Daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

Menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah ﷺ bukan sekadar mengadakan ceramah Maulidur Rasul, berarak atau berzanji semata-mata. Sebagai insan yang mukmin dan mengaku mencintai Rasulullah ﷺ, kita perlu mendalami setiap aspek dalam sirah dan keperibadian Baginda. Imam Al-Ghazali رَحْمَةُ اللَّهِ فِيهِ dalam karya beliau yang berjudul Bidayatul Hidayah (بِدَايَةُ الْهَدَايَةِ) ada menyusun jadual kehidupan harian muslim bermula dari awal pagi hingga ke malam hari berpandukan hadis-hadis Rasulullah ﷺ.

Persoalannya, pernahkan kita mengira berapa banyakkannya sunnah yang kita lakukan sepanjang tempoh 24 jam? Adakah kita membaca doa bangun tidur? Adakah kita mendahulukan kaki kiri untuk masuk ke bilik air? Adakah kita membaca doa selepas berwuduk? Adakah kita membaca doa sambil menuju ke masjid? Adakah kita solat subuh berjemaah? Adakah kita mendoakan saudara kita yang bersin? Adakah kita membaca doa sebelum makan dan selepas makan? Adakah kita menghormati jiran? Adakah kita menutup keaiban saudara kita? Terlalu banyak persoalan yang boleh ditimbulkan tetapi kita bimbang jawapan bagi persoalan-persoalan ini tidak menepati kehendak sunnah Rasulullah ﷺ.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,



Amatlah berbahaya jika kita mula meremehkan sunnah Rasulullah ﷺ. Usahlah kita meniru golongan yang mengkritik dengan mengatakan bahawa kata-kata dan perbuatan Rasulullah tidak relevan lagi pada masa sekarang.

Lebih malang lagi, ada pihak yang berani membidas dengan mengatakan bahawa Rasulullah ﷺ bukanlah ikutan yang sebenar. Mereka sanggup mengidolakan manusia lain dengan mengikut petunjuk dan pemahaman yang menyeleweng daripada sunnah Rasulullah. Berhati-hatilah dengan golongan ini. Kita kawatir lama-kelamaan sunnah Rasulullah ﷺ akan dipandang sepi seterusnya peribadi Rasulullah dianggap asing oleh generasi akan datang.

Jangan sesekali menghina setiap sunnah Rasulullah ﷺ kerana mengamalkan sunnah Rasulullah ﷺ ada ganjaran dan keberkatannya yang tersendiri. Walaupun ada pihak cuba menggugat sunnah Rasulullah, membakar Al-Quran dan memesongkan fakta, percayalah bahawa sunnah Baginda ﷺ tidak akan hilang, bak kata pepatah “jauh panggang dari api”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Rasulullah ﷺ sentiasa menjaga hubungan dengan golongan yang bukan muslim. Diplomasi dan toleransi Rasulullah ﷺ terserlah semasa Baginda memimpin, berjiran dan



bermasyarakat. Kehebatan akhlak Baginda adalah faktor utama golongan bukan muslim meminati Islam, mengucapkan dua kalimah syahadah seterusnya menghormati golongan muslimin.

Sahabat-sahabat seperti Saidina Umar, Saidina Uthman dan Saidina Ali serta para sahabat yang lain (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ), sentiasa berlumba-lumba dalam memastikan sunnah Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ menjadi amalan dalam pemerintahan dan pergaulan. Hal ini menyebabkan mereka disegani dan digeruni oleh masyarakat muslim dan bukan muslim. Maka layaklah para sahabat Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ digelar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ yang bermaksud Allah عَزَّوَجَلَّ redha terhadap mereka.

Ingatlah bahawa kekuatan seorang muslim sebenar bukanlah terletak pada fizikalnya. Kegagahan seorang muslim diukur menerusi usahanya mencontohi Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dalam kehidupan. Oleh itu, marilah kita berusaha sedaya upaya mengamalkan sunnah Nabi atas dasar cinta dan sayang kepada Baginda. Tekunilah ilmu sunnah Rasulullah agar setiap amalan kita tidak terkeluar daripada manhaj dan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (أَهْلُ سُنَّةٍ وَالْجَمَاعَةِ).

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Mengakhiri khutbah, khatib ingin menegaskan semula beberapa peringatan berikut:

Pertama: Zahirkan rasa cinta kepada Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pada setiap aspek dalam sirah dan keperibadian Baginda.



Kedua: Jangan sesekali menghina atau meremehkan sunnah Rasulullah ﷺ kerana mengamalkan sunnah ada ganjaran dan keberkatannya yang tersendiri.

Ketiga: Contohilah kehebatan akhlak Nabi ﷺ dalam menjaga hubungan sesama manusia. Sama ada sebagai pemimpin keluarga dan masyarakat khususnya sesama Islam dan saudara yang belum Islam.

Marilah kita mengamalkan doa berikut:

اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا مُتَابَعَةَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوَّلًا وَأَخِرًا، وَظَاهِرًا وَبَاطِنًا، وَقَوْلًا وَفِعْلًا، وَطَاعَةً وَعِبَادَةً، وَعَمَلًا صَالِحًا

Maksudnya: “Ya Allah, kurniakanlah kepada kami kemampuan mencontohi jejak langkah junjungan Nabi Muhammad ﷺ, pada permulaan kehidupan dan pengakhiran-Nya, pada zahir dan batin, pada perkataan dan perbuatan, pada ketaatan dan ibadah serta amal soleh.”

Firman Allah dalam ayat 21 surah al-Ahzab:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اْعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang.*

*Ya Allah! Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini
sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf
sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam
Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan
keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

